

Bas terbalik, sembilan nyaris maut

Siver 21812 MS6

ALORGAJAH - Sembilan termasuk seorang pemandu nyaris maut apabila bas ekspres dinaiki terbalik di Jalan Pegoh-Jelatang, berhampiran persimpangan lampu isyarat di sini, petang kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 7.15 petang itu, bas dipandu Mohd Zabri Ali, 44, dari arah Simpang Ampat menuju ke Melaka Sentral hilang kawalan dan terbabas ke kiri jalan.


Mohd Zabri berkata, dia gagal mengawal stereng selepas lampu isyarat bertukar merah.

"Saya cuba tekan brek bila lihat lampu isyarat merah tetapi brek gagal berfungsi dan saya terpaksa memaut stereng ke susur kiri untuk mengelak merempuh kenderaan yang sudah bergerak dari arah pekan Alor Gajah menuju ke Jelatang.

"Keadaan bas terhuyung-hayang dan terus terbalik ke kanan menghalang laluan jalan raya. Saya dan semua penumpang segera selamatkan diri kerana bimbang bas terbakar," katanya.

Sementara itu, seorang penumpang, Robert Edmund, 49, berkata, dia terkejut apabila menyedari pemandu bas menekan brek mengejut ketika menghampiri persimpangan lampu isyarat sebelum stereng dipaut ke kiri dan bas kemudiannya terbalik ke kanan.

"Ketika bas menghala laju ke susur kiri, saya dapat agak bas akan terbalik berdasarkan pengalaman beker-



ROBERT

ja sebagai pemandu bas kilang," katanya.

Menurutnya, semua penumpang menyelamatkan diri dengan keluar menggunakan cermin hadapan bas yang dipecahkan.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan Umar Ali Saifuddin

Shaharuddin berkata, bas ekspres terbabat dari Terminal Seremban menuju ke Melaka pada jam 6.30 petang tetapi hilang kawalan apabila tiba di persimpangan lampu isyarat.

"Tiga mangsa mengalami kecederaan ringan dihantar ke Hospital Alor Gajah sebagai pesakit luar," katanya.



Kedudukan bas ekspres yang melintang menghalang laluan setelah terbalik.